

Dari Sebulan ke Sebulan

Encik Yusuf bin Ishak, di dalam mesyuarat agung ahli-ahli Syarikat Utusan Melayu tatkala menjawab suatu pertanyaan ahli syarikat itu mengatakan bahawa : Dasar Utusan Melayu ialah agama Islam. Mendengar ini orang tentunya berasa syukur, tetapi apabila mengkaji bukti-bukti yang disiarkan oleh akhbar itu dalam masa-masa yang lalu tentunya hairan kerana banyak terjadi perkara-perkara yang mengenai agama dikesalkan bahkan pernah pula menyebarkan pendapat bahawa agama Islam datang di Malaya ini hanya memundurkan orang-orang Melayu. Bukan itu sahaja tetapi pernah pula, kalau tidak salah, menyebarkan pengertian-pengertian fahaman yang tidak bertuhan dengan galaknya. Adakah keterangan Encik Yusuf ini hanya untuk menghambat hati pembaca-pembaca supaya menggemari pembacanya kerana sekarang ada akhbar rumi “Berita Harian” dan akan terbit pula harian “Semenanjung”? Keadaan yang akan dapat menentukannya. Orang hanya bertanya-tanya : Apakah telah menjadi biasa kalau berhajat mendapat perhatian umat Islam lalu berkata berdasarkan Islam tetapi kalau maslahat lepas menyelar pula Islam?

* * *

Sesebuah akhbar, kalau mengaku dasarnya Islam tentulah ia mesti membuktikan dasar itu dengan menyuarakan maslahat Islam dan menghargai perjuangan umat Islam sama ada di Malaya atau di luar negeri. Ia mestilah menyuarakan suara-suara Islam dan menghormati cita-cita atau tujuan untuk menegakkan kalimah Tuhan apalagi kalau ada di antara mereka itu yang telah mengorbankan

nyawanya untuk menegakkan kalimah Tuhan (negara Islam) maka berkewajipan baginya memberi pertolongan dan bantuan seberapa yang terupaya, meringankan tanggungan mereka itu. Kerana itu kalau sebuah akhbar mengaku berdasarkan Islam maka tidaklah ia mencela atau mencaci cita-cita itu lalu mengutamakan gerrakan musuh-musuh Islam - orang-orang yang memusuhi Islam, yang tidak mau adanya negara Islam.

* * *

Orang-orang Islam umumnya hairan mengapa masalah arak dalam majlis-majlis keraian kerajaan dituntut supaya dihapuskan oleh Tuan Seenivasagam, wakil Parti Progresif Ipoh yang terdiri dari orang India dan harus beragama Hindu. Orang bertambah-tambah hairan lagi apabila persoalan itu dipersoalkan di dalam mempertahankannya terbit daripada Cina sehingga dikatakan kalau tidak mabuk tidak mengapa. Lebih-lebih hairan lagi kononnya kebanyakan ahli-ahli Melayu mendiamkan diri sahaja. Kalau betul demikian maka adalah mendukacitakan kerana apakah harapan orang-orang Islam akan bernegara dengan negara Islam yang sebenar-benarnya jika orang-orang Melayu (Islam) sendiri tidak mengambil berat di dalam hal-yang mengenai agamanya!

* * *

Bagaimana maka Tuan Seenivasagam membawa masalah yang mengenai pengertian Islam itu? Inilah pertanyaan yang timbul. Menurut punca-punca yang mengerti orang-orang di Perak telah meminta kepada wakil-wakil Melayu (Islam) membawa perkara ini ketengah tetapi tidak seorangpun daripada mereka itu

yang mau membawa perkara ini. Kerana yang demikian itulah, khabarnya, mereka meminta supaya Tuan Seenivasagam membawa perkara itu – dan orang-orang Islam bersyukur atas keikhlasannya itu. Harus akan banyak lagi perkara-perkara yang mengenai agama yang akan dikemukakan oleh Tuan Seenivasagam ke dalam majlis mesyuarat undangan persekutuan kerana orang-orang Islam rupanya lebih yakin kepada ketulusan tuan itu daripada berharap kepada orang-orang Islam sendiri. Dalam hal-yang seperti ini bagaimana kelak akan terjadi jika yang membantah perkara agama itu terdiri dari orang-orang Islam sendiri? Marilah masing-masing kita memerhatikannya!

* * *

Tahun 1950 dahulu Sukarno telah pernah diingatkan oleh Jemaah Menteri Mohammad Natsir tentang menaikkan semangat atas Irian Barat. Muhammad Roem, masa itu menjadi Menteri Luar Negeri, mengingatkan bahawa menaikkan semangat rakyat sangat mudah tetapi tanggungjawab di dalam semangat yang berkobar-kobar itu sangat sulit kerana dengan perbuatan itu nanti daerah akan kekurangan makanan dan kekurangan penyelenggaraan yang akibatnya penderitaan yang hebat akan berlaku. Apa yang disebut mereka tujuh tahun dahulu telah berlaku apabila Sukarno “gila” kepada Irian Barat iaini terus mau kan Irian Barat sedang keadaan negara selama 12 tahun merdeka tidak teratur dengan sempurna. Akibat daripada itu sudah banyak orang-orang di Bali tidak makan nasi, di sana sini sudah berbangkit kelaparan kerana daripada perbuatan Sukarno “gilakan” Irian Barat Belanda terpaksa menarik kapal-kapalnya daripada dirampas pada hal-80 perutusan perhubungan dari Pulau Kapulu itu adalah terletak di dalam tangan K.F.M. siapa yang menderita sekarang? Jawapannya : rakyat jelata dan Sukarno

“terpaksa” berehat ke luar negeri yang tentunya jauh daripada melihat penderitaan rakyat – ia tentunya di luar negeri tidak merasa kelaparan seperti yang dirasa rakyat, terutamanya di daerah-daerah Kalimantan, Jawa dan seumpamanya.

* * *

Daripada berita-berita yang mengenai Indonesia sekarang nampak bayangan-bayangan yang nyata bahawa rupanya Sukarno baharu menyedari bahawa selagi Hatta tidak di dalam pemerintahan maka keadaan menyelenggarakan Indonesia sulit hendak dipulihkan. Hatta sekarang nampaknya tidak mau memikul bebanan yang berat yang dibuat oleh Sukarno. “Sulit hendak menukar pengertian Hatta” – kata Sukarno. Kerana itulah harus Hatta tidak mau bersama-sama Sukarno menyelesaikan kerumitan yang dibuat Sukarno; dan dengan kerana inilah harus Sukarno diminta “berehat kerana kesihatannya” keluar negeri supaya Hatta dapat melaksanakan tanggungjawabnya mentadbirkan Indonesia yang hampir-hampir hancur diselenggarakan oleh Sukarno. Harus Hatta berpendapat selagi Sukarno ada tidak mungkin Indonesia dapat diselenggarakan dengan sebaik-baiknya dan berfaedah kepada rakyat – bukan kepada pemimpin-pemimpin dan rakan sejawat sahaja. Mungkinkah Hatta dapat memperbaiki keadaan yang hampir hancur itu? Inilah soalnya sebab dengan perebutan Sukarno orang-orang Komunis sudah bertapak di Indonesia.

* * *

Suatu pergaduhan, dikatakan telah berlaku di antara dua orang Melayu, seorang dari Parti Negara dan seorang dari UMNO di Melaka. Perkara ini telah dibawa ke hadapan mahkamah dan kedua-duanya telah diperintahkan berkelakuan baik selama 6 bulan dengan tanggungan \$50 tiap-tiap seorang. Sebabnya perkara pergaduhan itu dikatakan terbit daripada pertengkaran masing-masing mempertahankan

partinya, yang satu yang satu mengatakan partinya baik dan yang satu lagi begitu. Ini adalah salah satu contoh kejadian menunjukkan kurang pengertian berpolitik dikalangan orang-orang kita yang kesudahannya bukannya bergaduh begitu sahaja tetapi kerap kali bermusuh-musuhan sehingga kalau berjiran – kematian salah seorang daripadanya maka yang seorang tidak mau melawat. Keadaan yang buruk seperti ini sepatutnya diperhati oleh pemimpin-pemimpin kita dan difahamkan kepada mereka supaya jangan dalam pengertian politik itu bergaduh sesama sendiri.

* * *

A. Zabha, sidang pengarang Utusan Melayu telah dapat peluang melawat ke Jawa. Sepulangnya dari lawatan itu ia, harus barang kali untuk menyenangkan hati penjemputnya, telah menulis mengatakan bahawa di Indonesia aman semuanya. Tetapi apa yang berlaku sekarang adalah menunjukkan disebalik daripada apa yang dikatakan oleh A. Zabha itu. Beginilah keadaan kalau mau menulis hanya untuk menyenangkan orang tetapi akibatnya tidak difikirkan!

* * *

Utusan Melayu, dalam rencana pengarangnya 20.12.57 telah mengulas perkara-perkara yang mengenai pelajaran-pelajaran agama di sekolah umum, di antaranya menyatakan bahawa buku “Julung Bacaan” dan “Peninjau Akal” adalah tidak sesuai lagi diajarkan. Ia menganjurkan supaya dalam mempelajari agama maka hendaklah disusun buku-buku bacaan yang boleh digunakan untuk mempelajari agama seperti cerita-cerita agama dan lain-lainnya. Fikiran ini sangat molek diperhatikan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan supaya tidaklah masa anak-anak kita habis di dalam keadaan pelajaran yang tidak bersesuaian dengan keadaan dan kehidupan mereka.

* * *

Langkah menolong umat Indonesia yang dianjurkan oleh Tengku Abdul Rahman dalam seruannya di Bukit Mertajam baharu-baharu ini adalah suatu langkah kemanusiaan yang baik sekali yang patut disambut beramai-ramai kerana walau bagaimanapun corak politik yang dijalankan di Indonesia orang awam juga yang menderita. Menderita dalam masa revolusi dan menderita dalam masa sesudah revolusi dan sekali lagi menderita dalam perkara Irian Barat. Bagaimana corak politiknya, siapa yang bersalah atau seumpamanya namun umat yang menderita itu wajib ditolong kerana menolong jiran yang susah itu lebih utama daripada menolong jiran yang jauh.

Sudahkah tuan mendapatkan buku

Pelajaran Sembahyang

Kalau belum dapatkanlah segera!!

Sebuah buku sembahyang yang mudah difaham oleh semua peringkat!!

Jangan Ketinggalan!!

Senaskah \$1.20 pos 10sen

Alamatkan kepada :

QALAM
356 & 358, Geylang Road,